

# **Reaksi Muktamar Islam Sedunia Terhadap Pencerobohan Yahudi ke atas Negara Arab**

Setiausaha Agung Muktamar Islam Sedunia Tuan Inamullah Khan baharu-baharu ini telah membuat tinjauan ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu guna untuk membuat pertimbangan yang adil, realistik dan munasabah terhadap pemikiran *international*.

Oleh: Roslan Ahmad

### **Pakistan Disanjung Tinggi:**

*“fraternal”* terhadap negara-negara

Lantaran sikap angkuh itulah

Masa akhir-akhir ini kerap kali terdapat tulisan-tulisan beliau itu dalam majalah *“Muslim News International”* mengenai krisis Arab-Yahudi.

Dalam majalah *Muslim News* itu, yang terbaru ada menyatakan:

Bahawa maruah Negara Pakistan amat disanjung tinggi oleh dunia Arab.

Ini mengatasi dari sanjungan serta penghargaan negara-negara Arab dari masa-masa yang lampau. Ini disebabkan oleh pendirian *President Ayub Khan* juga kerajaannya yang telah memberi sokongan kuat kepada saudara-saudaranya bangsa Arab.

Menteri Luar Pakistan Sharif-uddin Pirzada berserta delegasinya telah mengharumkan imej dan maruah Negara Pakistan di gelanggang Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di mana beliau telah memainkan peranan yang sungguh-sungguh *magnificent*. Dan ini diikuti pula dengan lawatannya berserta delegasi ke negara-negara Arab. Ini tentulah bisa melahirkan ikatan yang kukuh “cordial” dan tahan lasak

Kurang Menggalakkan

Apa yang boleh dianggap baik dari persidangan tergempar Bangsa-bangsa Bersatu yang baharu-baharu ini ialah satu rumusan berkenaan Jerusalem yang telah diutarakan oleh Pakistan

Tetapi seluruh dari persidangan itu dapatlah digambarkan bahawa imej pertubuhan itu amat memuramkan.

Secara terus-terang dapat digambarkan bahawa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu telah gagal dalam mencari keadilan yang munasabah. Juga ianya telah gagal untuk mengutuk pencerobohan Yahudi dan memberi perintah supaya menarik balik pencerobohan-pencerobohan itu tanpa syarat dari wilayah-wilayah Arab!

Apa yang boleh dianggap baik ialah tentang sikap Setiausaha Agung U Thant telah mengambil berat serta menghormati mengenai resolusi Jerusalem. Tetapi apa yang menganehkan ialah tentang sikap Yahudi yang masih keras membantu dengan keangkuhan yang sudah keterlaluan “complete intradegence”.

maka dunia telah mengejek-ejek berserta dengan 700,000,000 umat Islam yang terus mengutuk hingga tercapai keadilan dan kebenaran yang mutlak.

Selain dari itu yang sangat-sangat penting ialah, Muktamar Islam Sedunia itu telah menyeru seluruh dunia Islam supaya menubuhkan Jawatankuasa Pertahanan Palestin “*Palestine Defense Committee*” dalam setiap rantau atau peringkat negeri malah di mana sahaja terdapat himpunan umat Islam, yang bertujuan sekurang-kurangnya untuk menyedarkan fikiran umat Islam guna memberi gambaran yang realistik, adil, munasabah serta logik dalam apa segi sekalipun. Juga untuk membasuh segala

kekotoran dan *di ‘ayah* busuk musuh-musuh Islam terhadap pendapat Islam dan di mana kedudukan sebenarnya “Palestin” itu!

Pihak Muktamar Islam Sedunia itu sentiasa menanti tentang kegiatan yang diusahakan oleh “Jawatankuasa Pertahanan Palestin” yang tertubuh di mana-mana itu untuk menjalankan apa

## Tinjauan Luar Negeri

sahaja usaha demi untuk menyatukan perpaduan umat Islam di dunia ini.

Dari situlah nanti kedudukan “kekusutan” Jerusalem bisa diselesaikan dengan cara yang setimpal. Jadi ini bukanlah masalah umat Arab sahaja malah ia merupakan masalah maruah umat Islam seluruhnya. Dan ianya juga menjadi satu tanggungjawab kepada setiap insan yang yang<sup>1</sup> menamakan dirinya Muslimin!

### Mengantar Surat

Dalam satu rencana yang lain Tuan Inamullah Khan Setiausaha Agung Muktamar Islam itu menekankan dalam sepucuk suratnya kepada Majlis Tergempar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Yang mana isi kandungan surat itu adalah atas nama Muktamar Islam Sedunia yang beribu pejabat di Beirut.

Antara lain isinya:

“Dari pandangan yang hakiki bahawa Israel telah tidak menghargai pendapat dunia kerana sikap agresifnya terus-menerus berjalan. Begitu juga tentang resolusi Jerusalem yang telah dikemukakan di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu itu langsung tidak dihormatinya.

Dewasa ini mereka masih menduduki, menguasai bandar tua Jerusalem “kesayangan umat Islam” yang mana ini terang-terang melanggar dan betul-betul mencabar terhadap undang-undang yang telah terkenun, supaya menghormati sebarang rumah ibadat untuk sebarang agama.

Bukan setakat itu sahaja mereka telah membuat sesuatu yang boleh

apa sahaja yang *contra* dengan Islam seperti tarian-tarian, minuman-minuman keras.

Mereka juga merosak-rosakkan harta-harta waqaf dan menghancurkan benda-benda juga kesan-kesan sejarah.

Apa yang betul-betul menganehkan ialah mereka langsung tidak menghormati pendapat-pendapat dunia. Bagi umat Islam apa yang mereka lakukan itu terang-terang telah menceroboh hak mutlak umat Arab dan umat Islam seluruhnya.”

### Seruan Rebut Semula

Secara serius Muktamar Islam Sedunia itu menyeru seluruh umat Islam di dunia ini sama ada peringkat kebangsaan atau di peringkat tempatan agar menukuhan “Jawatankuasa Pertahanan Palestin” agar tercapailah cita-cita kita untuk mengambil semula kiblat pertama umat Islam “Masjid Al-Aqsa” yang sekarang berada dalam tangan Yahudi!

Muktamar itu juga mengharapkan agar rencana-rencana, tulisan-tulisan di akhbar-akhbar harian, majalah-majalah, risalah-risalah, perlu dimuatkan dan diterbitkan! Begitu juga ucapan-ucapan di radio dan televisyen malah tunjuk-tunjuk perasaan juga patut diadakan sebagai tanda kita mengutuk agresif Israel itu.

Pihak Muktamar itu sentiasa memberi kerjasama sama ada berbentuk fakta-fakta atau butir-butir lanjut demi untuk mencapai matlamat itu. Muktamar Islam Sedunia itu gembira sekali dan siap sedia untuk memberi sebarang koordinasinya walau di rantau mana sekalipun di dalam lingkaran dunia ini.

Akhirnya Muktamar Islam itu bersuru kepada setiap umat Islam supaya bertindak, berusaha menurut kehendak-kehendak Islam demi untuk mengharumkan dan membuktikan bahawa Islam itu sesungguhnya benar dan baik!

Segala hubungan dengan muktamar itu bolehlah berpandukan alamat di bawah ini.

**World Muslim Congress,**

**P.O. BOX 883,**

**BEIRUT.**

atau

**P.O. BOX 5080,**

**KERACHI 2,**

**PAKISTAN.**

**sudah siap**

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah II

## **RAHSIA TERBUKA**

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Siri Kesah

Tokoh2 Sejarah III

## **MENJINAKKAN**

Harga 50 sen.

Pos 10 sen.

Pesan-lah kepada:

**QALAM**

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor.

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.